

KPDNHEP Tawau Catat 160 Kes Babitkan Rampasan Lebih Rm600 Ribu Tahun Ini

03:23pm 18/12/2019 Nasrawati Syarifuddin

TAWAU: Sebanyak 160 kes membabitkan perdagangan barangan yang menyalahi undang-undang berjaya dibanteras Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Tawau sepanjang tahun ini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Tawau, Aslani Dabi berkata kes yang diambil tindakan itu membabitkan rampasan barangan sejumlah RM606,334 manakala nilai kompaun yang berjaya dikutip sebanyak RM35,950.

"Kita turut berjaya menyelesaikan 131 daripada 159 aduan pengguna. 11 aduan terpaksa diserahkan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna manakala selebihnya diserahkan kepada pihak berkuasa lain untuk tindakan lanjut.

"Saya mahu mengucapkan tahniah kepada semua pegawai dan penguatkuasa KPDNHEP Tawau atas komitmen menjalankan tugas dengan memperoleh 160 kes rampasan barangan bernilai RM606,334," katanya ketika berucap dalam majlis Malam Apresiasi KPDNHEP bersama media, di sini semalam.

Malam apresiasi itu dirasmikan oleh Presiden Majlis Perbandaran Tawau (MPT) Datuk Ir Amrullah Kamal.

Aslani turut melahirkan penghargaan kepada media atas kerjasama dalam membantu KPDNHEP khususnya dalam hal berkaitan kepenggunaan.

Beliau berharap pengamal media daerah ini dapat menyalurkan maklumat kepada orang awam berhubung salah laku aktiviti perdagangan yang dihadapi pengguna.

"Bolehlah war-warkan kepada orang awam supaya membuat aduan kepada KPDNHEP daerah ini jika ada berlakunya kes penipuan ketika melakukan pembelian atau sebagainya.

"Bagi kami media adalah rakan setia yang saling memerlukan sebagai mata dan telinga dan melaporkan kepada pengguna manakala media memerlukan KPDNHEP untuk dapatkan maklumat sebelum laporkan kepada orang awam.

"Saya juga bercadang untuk mengadakan satu pertandingan pada tahun depan khusus untuk pengamal media di daerah ini yang sering mengeluarkan artikel-artikel berkaitan operasi KPDNHEP," katanya. – SabahNewsToday



Aslani menyampaikan sijil penghargaan dan cendera kenangan kepada wakil media Sabah News Today. Gambar SNT / Nasrawati Syarifuddin

